

08/01/1997

Mazhar ditemani ibu mendaftar di kolej

KASIH IBU ... isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima buku program orientasi pelajar ketika mendaftarkan anaknya, Mazhar Mahathir (dua dari kiri) memasuki tingkatan satu di Kolej Yayasan Saad di Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Mazhar adalah antara 62 pelajar tingkatan satu yang mendaftar sebagai pelajar baru di kolej berkenaan, yang kini mempunyai 286 pelajar sejak dibuka pada Januari 1995.

Mazhar yang menduduki peperiksaan dua minggu lalu bagi memasuki Kolej Yayasan Saad, dibawa oleh Dr Siti Hasmah untuk mendaftar sebagai pelajar baru, semalam.

Mereka berdua yang tiba dari Kuala Lumpur pada jam 3.45 petang, disambut oleh pengurus akademik kolej, Toh Soon Guan.

Turut menyambut ketibaan mereka berdua ialah Pengerusi Renong Berhad, Tan Sri Abdul Halim Saad, yang juga pengasas Kolej Yayasan Saad.

Turut mendaftar sebagai pelajar tingkatan satu di Kolej Yayasan Saad, semalam, ialah anak Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid; anak bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik; serta anak bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Dusuki Ahmad.

Mereka ialah Akhari Aya Maziz Sanusi, Petty Diyana Abdul Rahim dan Farah Amani Dusuki.

(END)